



PROSEDUR PROGRAM PENGURUSAN PENYAKIT HEPATITIS C DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR

Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Dengan Kerjasama
Jabatan Penjara Negeri Johor

September 2022

**PROSEDUR
PROGRAM PENGURUSAN PENYAKIT HEPATITIS C
DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR.**

**Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Dengan Kerjasama
Jabatan Penjara Negeri Johor**

September 2022

PENGHARGAAN

Ribuan terima kasih dan sakalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan buku ini.

*YB Dato' Dr Aman Bin Rabu
Pengarah Kesihatan Negeri Johor*

*Yg. Bhg. Tuan Ku Nawawi Bin Ku Hamid
Pengarah Penjara Negeri Johor*

*Yg. Bhg. Dr. Shaharom Nor Azian Binti Che Mat Din
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
Jabatan Kesihatan Negeri Johor*

*Dr Nor Hayat Bin Mamat
Seksyen Rawatan dan Layanan
Ibu Pejabat Penjara Malaysia*

*Pengarah
Penjara Kluang, Johor*

*Pengarah
Penjara Simpang Renggam, Johor*

*Pengarah
Pusat Koreksional Johor Bahru*

*Pengarah
Pusat Pemulihan Akhlak, Muar*

PENGHARGAAN

SIDANG PENGARANG

*Dr Nurmawati Binti Ahmad
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor*

*Puan Nor Aina binti Kamarudin
Ketua Penolong Pengarah Kanan (A&P)
Seksyen Penjagaan Farmaseutikal
Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri*

*Dr. Muhammad Firdaus Bin Md Salleh
Pakar Perubatan Perunding Gastroenterologi Dan
Hepatobiliari
Jabatan Perubatan
Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru*

*Dr. Dayangku Seritul Akmar binti Abd Razak
Pakar Perubatan Patologi (Mikrobiologi)
Jabatan Patologi
Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru*

*Dr. Nazzem Bin Ismail
Pegawai Perubatan
Klinik Penjara Kluang*

*Dr. Mohd Fadzly Bin Hussin
Pegawai Perubatan
Klinik Penjara Kluang*

*Dr. Nur Azam Bin Md Yusof
Pegawai Perubatan
Klinik Penjara Simpang Renggam*

*Dr. Abdullah Azzam Bin Mohd Ghazali
Pegawai Perubatan
Klinik Penjara Simpang Renggam*

PENGHARGAAN

AHLI-AHLI

Dr Rohayah Binti Abd Ghani
Ketua Cawangan Amalan & Perkembangan Farmasi
Bahagian Perkhidmatan Farmasi
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Dr. Norliza binti Othman
Ketua Perkhidmatan Pengimejan Diagnostik
Jabatan Pengimejan Diagnostik
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Puan Chuah Hui Ting
Pegawai Farmasi
Jabatan Farmasi
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru

Dr Wong Chung Yeow
Pakar Perubatan
Jabatan Perubatan
Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom. Kluang

Dr Noraini Binti Amir
Pakar Perubatan Patologi
Jabatan Patologi
Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom. Kluang

Dr. Ratna Wati Binti Rahman
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Batu Pahat
Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat

Dr. Zuraini Binti ahmad
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Jalan Mengkibol
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Dr. Mohamed Attib Siddiqui bin Tariz Ejaz Siddiqui
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Paloh
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Dr. Fatimah Binti Hassan
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Simpang Renggam
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Dr. Zaharita Binti Bujang
Pakar Perubatan Keluarga
Klinik Kesihatan Taman Universiti
Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru

Dr. Hamenudin bin Hamzah
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Epidemiologi
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Dr. Mohan Rao A/L Vejiaretnam
Pegawai Perubatan Penyelaras
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Dr Nur Azira Binti Ishak
Pegawai Perubatan
Klinik Pusat Koreksional Johor Bahru

Encik Rashid Bin Jaapar
Penyelaras Makmal Primer Negeri Johor
Makmal Kesihatan Awam Negeri Johor
Bahagian Kesihatan Awam
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Puan Hasmiza Binti Haron
Juruteknologi Makmal Perubatan
Penyelaras Makmal Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Encik Muhammad Syazwan Bin Badaruddin
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Pejabat Kesihatan Daerah Kluang

Dr Fadhlon Hanapiah
Pegawai Perubatan
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Taufiq Yazidreza Bin Hidayat
Penolong Pegawai Perubatan
Unit HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

KANDUNGAN

		m/s
1.0	Pengenalan	1
2.0	Objektif	1
3.0	Lokasi Perlaksanaan	2
4.0	Strategi Perlaksanaan	2
5.0	Aktiviti Pengurusan Kes Hepatitis C Di Institusi Penjara Negeri Johor	3
6.0	Tugas Dan Tanggungjawab	3
7.0	Sasaran	4
8.0	Proses Kerja Pengurusan Perawatan Penyakit Hepatitis C Di Institusi Penjara Negeri Johor	5
9.0	Notifikasi Kes Hepatitis C	10
10.0	Siasatan Kes Berkaitan Hepatitis C	10
11.0	Pemantauan Reten	10
12.0	Penutup	11

LAMPIRAN

		m/s
Lampiran A	Bahan Pendidikan Kesihatan Hepatitis C	13
Lampiran B	Borang Saringan Hepatitis C	15
Lampiran C	Borang Pengakuan Banduan Yang Membenarkan Secara Sukarela Pengambilan Darah Di Dalam Institusi Penjara.	16
Lampiran D	Tatacara Penggunaan Sistem Enotifikasi Bagi Penyakit Hepatitis C	17
Lampiran E	Tatacara Pengurusan Aliran Saringan Dan Ujian Makmal Bagi Jangkitan Virus Hepatitis C Di Institusi Penjara Negeri Johor	18
Lampiran F	Borang Siasatan Hepatitis C	21
Lampiran G	Format Reten/Linelling Pengurusan Kes Hepatitis C	26

PROSEDUR PROGRAM PENGURUSAN PENYAKIT HEPATITIS C DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR.

1.0 PENGENALAN

Hepatitis C merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus Hepatitis C (HCV) yang masih menjadi ancaman kesihatan awam sehingga kini. Jangkitan adalah melalui pengkongsian jarum suntikan tercemar dengan virus hepatitis C, transfusi darah yang dijangkiti virus Hep C, hubungan seksual secara rambang, melalui transmisi dari ibu kepada bayi dalam kandungan (mother to child transmission).

Dianggarkan 2.5% dari penduduk Malaysia dijangkiti Virus Hepatitis C (Mc Donalds et al, 2015). Sebanyak 2,845 notifikasi kes Hepatitis C telah dilaporkan pada tahun 2018 dengan kadar notifikasi sebanyak 8.77 bagi setiap 100,000 penduduk, peningkatan sebanyak 27% berbanding tahun 2015 yang merekodkan 2,108 kes dengan kadar notifikasi sebanyak 6.91 bagi setiap 100,000 penduduk.

75% - 85% pesakit Hepatitis C akan terus hidup dengan Hepatitis C selama 20-30 tahun tanpa sebarang gejala. Namun golongan ini berisiko menjangkiti orang lain. Oleh kerana, Hepatitis C pada amnya boleh dirawat dan sembuh dengan berkesan menggunakan ubat Direct Acting Antiviral (DAA), maka aktiviti pengesanan pesakit Hepatitis C perlu ditingkatkan bagi mengawal perebakan jangkitan.

Banduan penjara terdiri daripada golongan berisiko tinggi bagi penyakit Hepatitis C. Oleh itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Penjara Johor mengambil inisiatif memperluaskan saringan dan perawatan Hepatitis C ini ke institusi penjara negeri Johor.

2.0 OBJEKTIF

2.1 Objektif Umum

Mengurangkan transmisi, morbiditi dan mortaliti disebabkan penyakit Hepatitis C bagi mencapai sasaran eliminasi Hepatitis C menjelang tahun 2030 di negeri Johor.

2.2 Objektif Khusus

- a) Untuk memastikan sekurang kurangnya 90% daripada kumpulan berisiko tinggi yang berada di institusi penjara disaring dan mengetahui status jangkitan Hepatitis C.
- b) Untuk memastikan 90% kumpulan berisiko tinggi di institusi penjara yang telah dikesan Hepatitis C positif, menerima rawatan Hepatitis C dengan sewajarnya.
- c) Untuk mencapai pengurangan kes Hepatitis C baru sebanyak 90% di kalangan kumpulan berisiko tinggi di institusi penjara.

3.0 LOKASI PERLAKSANAAN

3.1 Institusi penjara negeri Johor yang disasarkan adalah :

- a) Penjara Kluang Jalan Mersing 86000 Kluang, Johor.
- b) Penjara Simpang Renggam 86200, Kluang, Johor
- c) Pusat Koreksional Johor Bahru Kangkar Pulai, 81500, Johor Bahru, Johor.
- d) Pusat Pemulihan Akhlak, Jalan Salleh, 84007 Muar, Johor.

3.2 Fasiliti Kesihatan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan program ini adalah:

- a) Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru
- b) Pejabat Kesihatan Daerah Kluang
- c) Pejabat Kesihatan Daerah Muar
- d) Klinik Kesihatan Taman Universiti
- e) Klinik Kesihatan Simpang Renggam
- f) Klinik Kesihatan Jalan Mengkibol
- g) Klinik Kesihatan Maharani
- h) Hospital Kluang
- i) Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.
- j) Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar

4.0 STRATEGI PERLAKSANAAN

Perlaksanaan pengurusan saringan dan perawatan penyakit Hepatitis C di institusi penjara negeri Johor melibatkan kerjasama di antara Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Jabatan Penjara Negeri Johor melalui:

- a) Meningkatkan aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan berkaitan penyakit Hepatitis C.
- b) Menjalankan aktiviti pengesanan awal kumpulan berisiko penyakit Hepatitis C di kalangan banduan.
- c) Mengelakkan penularan jangkitan Hepatitis C di kalangan banduan berisiko tinggi dengan pemberian rawatan sewajarnya.
- d) Memastikan semua anggota yang terlibat menjalani latihan berkaitan penyakit Hepatitis C termasuklah latihan kaunseling, latihan penggunaan rapid test kit Hepatitis C sebagai point of care test dan latihan pengurusan perawatan pesakit Hepatitis C.
- e) Meningkatkan kerjasama dan kolaborasi di antara agensi dari masa ke semasa.

5.0 AKTIVITI PENGURUSAN KES HEPATITIS C DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR

Aktiviti pengurusan penyakit berkaitan Hepatitis C di institusi penjara negeri Johor adalah meliputi :

- a) Aktiviti pendidikan dan promosi kesihatan mengenai Hepatitis C
- b) Saringan Hepatitis C dan pengesanan kes
- c) Pengesanan Jangkitan Semasa (viremic Status)
- d) Notifikasi kes Hepatitis C
- e) Penilaian Pra rawatan
- f) Rawatan Hepatitis C
- g) Rawatan susulan dan pemantauan selepas rawatan.
- h) Pemantauan reten

6.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

6.1 Jabatan Kesihatan Negeri

- a) Unit HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kesihatan Awam
 - i) Merancang, menyelaraskan dan menilai pelaksanaan program di peringkat negeri.
 - ii) Merancang dan menganjurkan latihan anggota.
 - iii) Mengumpul dan menganalisa data di peringkat negeri
 - iv) Memberi maklumbalas pelaksanaan program kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dan agensi berkaitan.
- b) Pejabat Kesihatan Daerah
 - i. Merancang, menyelaraskan dan menilai pelaksanaan program di peringkat daerah.
 - ii. Mengenalpasti masalah dan memberi maklumbalas pelaksanaan program di peringkat daerah.
 - iii. Mengumpul dan menganalisa data di peringkat daerah.
 - iv. Merancang dan menganjurkan latihan kepada anggota.
 - v. Memberi maklumbalas pelaksanaan program kepada peringkat negeri.
 - vi. Mengadakan mesyuarat bersama Institusi Penjara yang terlibat untuk pemantauan program.
 - vii. Memantau aktiviti ujian saringan Hepatitis C di penjara.
 - viii. Menjalankan pengesanan kontak ke atas banduan yang disahkan dijangkiti Hepatitis C.
- c) Klinik Kesihatan Induk
 - i. Memberi pendidikan kesihatan dan kaunseling kepada banduan berisiko tinggi dan disahkan positif Hepatitis C.
 - ii. Membuat pemeriksaan menyeluruh ke atas banduan yang dirujuk oleh Institusi Penjara.
 - iii. Memberi rawatan yang sewajarnya kepada banduan yang disahkan positif.
 - iv. Melaksanakan aktiviti tindak susul dan rujukan ke hospital atau agensi lain.

6.2 Institusi Penjara

- a) Membuat pemantauan dan memastikan pengurusan banduan berisiko tinggi dan disahkan Hepatitis C dilaksanakan sewajarnya.
- b) Memastikan kakitangan yang terlibat menjalani latihan.
- c) Menyediakan keperluan logistik bagi memastikan proses perawatan adalah di tahap optimum.
- d) Memastikan ujian saringan dilakukan ke atas banduan seperti yang ditetapkan.
- e) Memastikan stok dan bekalan peralatan rapid test kit hepatitis C dan peralatan berkaitan dengan perawatan Hepatitis C mencukupi dari masa ke semasa
- f) Memastikan banduan yang menerima rawatan mendapatkan kelansungan perawatan Hepatitis C mengikut jadual.
- g) Membuat laporan/ reten ke Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada setiap bulan

7.0 SASARAN

7.1 Saringan dan perawatan Hepatitis C ini dijalankan kepada semua banduan yang berada di institusi penjara negeri Johor.

7.2 Kumpulan yang disasarkan hendaklah memenuhi salah satu atau lebih kriteria berikut:

- a) Banduan Warganegara sahaja
- b) Mempunyai sejarah dan faktor risiko terhadap penyakit Hepatitis C seperti:
 - i. sejarah menjalani transfusi darah atau produk darah pada atau sebelum tahun 1994
 - ii. Banduan yang mengambil dadah suntikan atau mempunyai sejarah menagih dadah secara suntikan.
 - iii. Banduan mempunyai penyakit Buah Pinggang Kronik (CKD) yang menerima rawatan Haemodialisis.
 - iv. Banduan yang pernah tertusuk jarum suntikan dan peralatan tajam, cecair mukosa atau darah dari pesakit Hepatitis C.
 - v. Mempunyai sejarah atau masih aktif membuat hubungan seksual secara rambang
 - vi. Banduan hamil dan mempunyai sejarah Hepatitis C.
 - vii. Banduan yang mencecah tatu.
 - viii. Banduan mempunyai sejarah penyakit Hepatitis B, HIV, Penyakit Kelamin dan Tuberkulosis.
- c) Banduan memberi persetujuan menjalani saringan dan rawatan secara sukarela.
- d) Banduan yang mempunyai tanda-tanda disyaki jangkitan Hepatitis C.

8.0 PROSES KERJA PENGURUSAN PERAWATAN PENYAKIT HEPATITIS C DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR

8.1 AKTIVITI PENGESANAN KUMPULAN BERISIKO			
Bil.	Aktiviti	Tempat	Tindakan / Tanggungjawab
1)	<p>Memberi pendidikan kesihatan mengenai Hepatitis C kepada semua banduan baru.</p> <p>Nota: Bahan pendidikan adalah seperti di Lampiran A. Ia akan dibekalkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Penjara 	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Perubatan Penjara Penolong Pegawai Perubatan Penjara Jururawat Terlatih Penjara
2)	<p>Mengenalpasti banduan baru yang memenuhi kriteria dengan pengambilan sejarah dan mengenalpasti faktor risiko terperinci menggunakan Borang Saringan Hepatitis C.</p> <p>Nota: Borang Saringan Hepatitis C ini hendaklah di cetak oleh Klinik Penjara dan dilampirkan ke dalam fail rawatan banduan di Klinik Penjara untuk rujukan (Lampiran B).</p>	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Penjara 	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Perubatan Penjara Penolong Pegawai Perubatan Penjara Jururawat Terlatih Penjara
3)	<p>Sekiranya banduan tersebut pernah mengambil rawatan atau masih tidak lengkap rawatan, perlu menghubungi fasiliti kesihatan yang berkenaan untuk menyemak status rawatan dan dapatkan maklumbalas rawatan.</p> <p>Maklumkan kepada Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk dan sambung rawatan menggunakan ubat yang dibawa oleh banduan atau stok sedia ada di penjara (jika ada).</p>	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Penjara Klinik Kesihatan Induk 	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Perubatan Penjara Penolong Pegawai Perubatan Penjara Jururawat Terlatih Penjara Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk
4)	<p>Sekiranya tidak pernah mengambil rawatan, jalani saringan kelayakan banduan menggunakan borang seperti di Lampiran C.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Penjara 	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Perubatan Penjara Penolong Pegawai Perubatan Penjara Jururawat Terlatih Penjara

8.2 AKTIVITI SARINGAN KUMPULAN BERISIKO			
Bil.	Aktiviti	Tempat	Tindakan / Tanggungjawab
1)	Menjalankan ujian rapid test Hepatitis C ke atas banduan yang telah memberi persetujuan. Stok dan bekalan rapid test kit Hepatitis C perlu dipantau oleh Penyelaras makmal Daerah/ Klinik Kesihatan Induk.	• Klinik Penjara	• Penolong Pegawai Perubatan Penjara • Jururawat Terlatih Penjara • Penyelaras Makmal Daerah/ Klinik Kesihatan Induk
2)	Berdasarkan hasil ujian rapid test Hepatitis C: a) Sekiranya reaktif, ambil ujian pengesahan dan notifikasi kes melalui Sistem Enotifikasi (Lampiran D) ke Pejabat Kesihatan Daerah yang berkenaan . b) Sekiranya tidak reaktif, beri kaunseling untuk langkah pencegahan.	• Klinik Penjara	• Pegawai Perubatan Penjara • Penolong Pegawai Perubatan Penjara • Jururawat Terlatih Penjara
3)	Menghantar ujian serologi dan lain-lain ujian ke Klinik Kesihatan Induk/ Hospital Induk iaitu: a) Ujian pengesahan Hepatitis C iaitu HCV core antigen atau HCV RNA. b) Full Blood Count c) Liver Function test termasuk AST, ALT d) Renal profile e) HBs Antigen (HBsAg) f) Ujian Sputum AFB/Culture & Sensitivity g) Xray dada Nota: Tatacara penghantaran sampel ujian pengesahan bagi Hepatitis C adalah seperti di Lampiran E.	• Klinik Penjara • Makmal Daerah/ Klinik Kesihatan Induk	• Pegawai Perubatan Penjara • Penolong Pegawai Perubatan Penjara • Jururawat Terlatih Penjara • Penyelaras Makmal Daerah/ Klinik Kesihatan Induk/ Hospital Induk
4)	Membuat tindaksusul dan menyemak hasil keputusan ujian makmal yang telah dijalankan yang berkenaan. a) Sekiranya Ujian Pengesahan Hepatitis C positif, rujuk Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk untuk rawatan dan notifikasi kes melalui Sistem Enotifikasi. a) Sekiranya negatif, beri kaunseling untuk langkah pencegahan.	• Klinik Penjara	• Pegawai Perubatan Penjara • Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk

8.3 AKTIVITI PERAWATAN KES DISAH POSITIF			
Bil.	Aktiviti	Tempat	Tindakan / Tanggungjawab
1)	Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk akan menentusah klasifikasi kes Hepatitis C dan merujuk kepada Pakar Hospital jika perlu.	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Kesihatan Induk 	<ul style="list-style-type: none"> Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk
2)	<p>Bagi Kes Hepatitis C non-cirrhosis atau co-infection HCV-HIV akan dirawat bersama oleh Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk</p> <p>Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk akan merawat banduan tersebut dan membuat preskripsi ubat.</p> <p>Pegawai Perubatan Penjara mengambil preskripsi ubat dan bekalan ubat di klinik kesihatan induk.</p> <p>Pegawai Perubatan Penjara memastikan pemberian ubat mengikut cara rutin pemberian ubat di penjara dan hendaklah sentiasa memastikan banduan komplian dengan rawatan yang diberikan.</p> <p>Pegawai Perubatan Penjara perlu menyemak dan memastikan banduan patuh pada temujanji yang diberikan di klinik kesihatan induk dan memastikan banduan hadir temujanji seperti dijadualkan.</p> <p>Sekiranya terdapat masalah, Pegawai Perubatan Penjara hendaklah memaklumkan kepada fasiliti terlibat.</p> <p>Nota: Preskripsi ubat Hepatitis C hendaklah diberikan kepada farmasi klinik kesihatan induk sekurang-kurangnya satu minggu daripada tarikh temujanji banduan tersebut memulakan rawatan</p>	<ul style="list-style-type: none"> Klinik Penjara Klinik Kesihatan Induk 	<ul style="list-style-type: none"> Pegawai Perubatan Penjara Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk

8.3 AKTIVITI PERAWATAN KES DISAH POSITIF			
Bil.	Aktiviti	Tempat	Tindakan / Tanggungjawab
3)	<p>Bagi kes selain Hepatitis C non-cirrhosis atau co-infection HCV-HIV akan dirujuk oleh Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk kepada Pakar di Hospital Induk/Pakar Gastroenterologi dan Hepatologi.</p> <p>Pakar di Hospital Induk/ Pakar Gastroenterologi dan Hepatologi akan merawat dan membuat preskripsi ubat</p> <p>Pegawai Perubatan Penjara mengambil preskripsi ubat dan bekalan ubat, memastikan pemberian ubat mengikut cara rutin pemberian ubat di penjara dan hendaklah sentiasa memastikan banduan komplian dengan rawatan yang diberikan</p> <p>Temujanji yang diberikan hendaklah dipatuhi dan banduan hadir temujanji seperti dijadualkan.</p> <p>Sekiranya terdapat masalah, Pegawai Perubatan Penjara hendaklah memaklumkan kepada fasiliti terlibat.</p> <p>Nota: Ubat Hepatitis C disyorkan diberi secara harian atau tempoh yang singkat untuk memastikan banduan komplian dengan rawatan yang diberikan.</p> <p>Klinik Kesihatan Induk disyorkan untuk membuat penyeliaan secara berkala ke atas banduan yang menerima rawatan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Penjara • Klinik Kesihatan Induk • Hospital Induk / Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan Penjara • Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk • Pakar Hospital Induk / Pakar Gastroenterologi dan Hepatologi • Pegawai Farmasi

8.4 AKTIVITI PEMANTAUAN PERAWATAN KES DISAH POSITIF			
Bil.	Aktiviti	Tempat	Tindakan / Tanggungjawab
1)	<p>Rawatan susulan dibuat ke atas banduan pada minggu ke-4, 8 dan 12. Rawatan susulan pada minggu ke-12 wajib dilakukan dan menjalankan ujian HCV RNA selepas selesai rawatan untuk menilai keberkesanan rawatan (SVR - Sustained Virological Response).</p> <p>a) SVR12 tercapai (pesakit sembuh) - Kes discaj</p> <p>b) SVR12 tidak tercapai (pesakit belum sembuh) - Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk menyambung rawatan/ujuk Pakar di Hospital</p> <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rawatan susulan dilakukan mengikut kekerapan yang ditetapkan dan berdasarkan respon rawatan. • Ia adalah untuk membuat penilaian ke patuhan rawatan, kesan sampingan, pemantauan ujian makmal dan pembaharuan preskripsi ubat 	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Penjara • Klinik Kesihatan Induk 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan Penjara • Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk • Pakar Hospital Induk / Pakar Gastroenterologi Dan Hepatologi • Pegawai Farmasi
8.5 PEMBEBASAN / PEMINDAHAN KES DISAHKAN POSITIF			
Bil.	Aktiviti	Tempat	Tindakan / Tanggungjawab
1)	<p>Jika kes akan dibebaskan/dipindah dalam tempoh rawatan, rujuk kes 2minggu atau 1bulan sebelum proses pembebasan/pemindahan kepada Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk/ Pakar Hospital.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Penjara 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan Penjara
2)	<p>Kaunseling kepada banduan dan pemakluman kepada fasiliti kesihatan yang dirujuk beserta surat rujukan perlu dilaksanakan.</p> <p>Semua dokumen diserahkan kepada banduan semasa pembebasan atau kepada fasiliti penerima jika dipindahkan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Klinik Penjara • Klinik Kesihatan Induk • Hospital Induk 	<ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Perubatan Penjara • Pakar Perubatan Keluarga Klinik Kesihatan Induk • Pakar Hospital

9.0 NOTIFIKASI KES HEPATITIS C

- a) Memandangkan ujian saringan dan pengesahan bagi Hepatitis C dibuat di Klinik Penjara, maka Pegawai Perubatan Klinik Penjara bertanggungjawab untuk membuat notifikasi sebagai mana digariskan di dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
- b) Notifikasi boleh dibuat melalui Sistem Enotifikasi. Pegawai Perubatan Klinik Penjara yang bertanggungjawab hendaklah menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah yang berdekatan untuk mendapatkan username dan password serta latihan.
- c) Tatacara penggunaan Sistem Enotifikasi melibatkan penyakit Hepatitis C adalah seperti di Lampiran D.
- d) Maklumat notifikasi hendaklah dicetak setelah notifikasi dibuat melalui Sistem Enotifikasi dan disimpan di dalam fail banduan untuk tujuan dokumentasi.
- e) Berdasarkan Surat Edaran Pindaan Definisi Kes Hepatitis C no rujukan: KKM.600-29/4/97 Jld. 2(44), notifikasi berkaitan penyakit Hepatitis C perlu dibuat sekiranya:
 - i. Ujian saringan menggunakan rapid test kit hepatitis C adalah reaktif ataupun ujian serology antibody HCV adalah positif.
 - ii. Ujian Antigen HCV atau HCV RNA adalah positif.

10.0 SIASATAN KES BERKAITAN HEPATITIS C

- a) Semua kes yang dinotifikasi samada melibatkan ujian saringan mahupun ujian pengesahan, wajib disiasat oleh Pejabat Kesihatan Daerah yang berkaitan dengan menggunakan borang siasatan seperti di Lampiran F.
- b) Siasatan hendaklah dijalankan dalam tempoh 1 minggu setelah notifikasi diterima.

11.0 PEMANTAUAN RETEN

- a) Reten pemantauan saringan hepatitis C di Institusi Penjara adalah seperti di Lampiran G. Format reten ini juga boleh dicapai melalui laman sesawang elearningjknj.moh.gov.my.
- b) Reten ini perlu dilengkapkan oleh pihak Klinik Penjara dan Fasiliti Kesihatan Induk yang merawat dan diemel kepada Pejabat Kesihatan Daerah dan Unit HIV/STI/Hepatitis C Jabatan Kesihatan Negeri Johor setiap bulan sebelum atau pada 5hb bula berikutnya.

12.0 PENUTUP

Diharapkan dengan edaran Tatacara Pengurusan Saringan Dan Perawatan Penyakit Hepatitis C Di Institusi Penjara Negeri Johor akan mengukuhkan pengurusan penyakit berkaitan Hepatitis C dan mencapai sasaran Malaysia dan negeri Johor khususnya untuk mengakhiri Hepatitis C menjelang tahun 2030.

LAMPIRAN

BAHAN PENDIDIKAN KESIHATAN HEPATITIS C

HEPATITIS C

UNIT HIV/STI/HEPATITIS C
BAHAGIAN KESIHATAN AWAM
JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

Apa itu hati?

Fungsi Hati:

- Hati menukarkan protein, lemak dan gula kepada tenaga yang diperlukan oleh badan.
- Hati mencuci darah dengan cara memecahkan bahan toksin atau bahan buangan dalam badan.
- Hati menyimpan vitamin, hormon, kolesterol dan mineral, kemudian melepaskan bahan tersebut untuk kegunaan badan semasa diperlukan.

1. Hati ialah organ dalaman yang terbesar dalam badan manusia.
2. Kedudukan hati dalam badan adalah di bahagian kanan ruang perut.

Apa itu hepatitis?

- HEPAR = HATI
- ITIS = RADANG
- HEPATITIS = KERADANGAN HATI

Hepatitis ialah penyakit hati. Ia disebabkan oleh radang hati.

Hepatitis C di kenali sebagai "pembunuh Senyap"

JENIS VIRUS HEPATITIS

	A	B	C	D	E
Penyebab Jangkitan	jangkitan daripada makanan tercemar.	Jangkitan cecair badan (air mani, cecair vagina, darah)			jangkitan daripada makanan tercemar.
Cara Jangkitan	feco-oral	hubungan seks tidak selamat, berkongsi jarum suntikan, berkongsi barang tajam (jarum tattoo, bekam)			feco-oral
Vaksin	✓	✓	✗	✗	✗
Ubat	✗	✓	✓	✗	✗

JANGKITAN HEPATITIS C MEREBAK MELALUI:

- Berkongsi jarum suntikan
- Tatu
- Pemindahan darah
- Pemindahan Ibu kepada anak semasa hamil
- Hubungan seks (melalui vagina/dubur)
- Kecederaan alat tajam tercemar
- Hemodialisis

Tanda Gejala Jangkitan Hepatitis C

Kebanyakan pesakit (70-80%) **TIADA** tanda gejala.

- CEPAT LETIH TAK BERMAYA
- DEMAM
- SAKIT ULU HATI/
- JAUNDIS
- NAJIS BERWARNA PUCAT
- AIR KENCING BERWARNA SEPERTI TEH

Komplikasi Hepatitis C

FUNGSI HATI ROSAK Tak dapat tapis toksin. Toksin naik ke otak koma.	GANGGU FUNGSI PEMBEKUAN DARAH menyebabkan pendarahan.	BUSUNG DAN AIR DALAM ORGAN LAIN - Nutrisi terjejas, dan sukar nafas.	ROSAK BUAH PINGGANG - Toksin berlebihan menyebabkan kegagalan buah pinggang.	SIROSIS HATI - 20% Tisu hati menjadi keras dan berparut lalu membentuk sirosis.	KANSER HATI - 25% risiko menjadi kanser hati.
---	---	--	--	---	---

Cara pengesanan Hepatitis C

BUAT UJIAN DARAH DI KLINIK KESIHATAN YANG BERDEKATAN

PERCUMA!!!

Hepatitis C boleh disembuh. Ubat Antivirus perlu diambil dalam tempoh 3 hingga 6 bulan

Rawatan Hepatitis C

PERLU NASIHAT OLEH PAKAR

PERCUMA DI KLINIK KESIHATAN

Tiada vaksin untuk mencegah Hepatitis C

PENGENDALIAN KESAN SAMPINGAN RAWATAN HEPATITIS C

LOYA & MUNTAH	CIRIT BIRIT	SAKIT KEPALA	KELETIHAN	KESUKARAN TIDUR	SAKIT PERUT
Selalunya berlaku semasa awal rawatan dan tidak berpanjangan (1-3 minggu)					
Makan makanan lembut sebelum mengambil ubat	Kurangkan makanan pedas, banyakkkan air, ambil ubat jika perlu	Rehat, kurangkan pergerakan, ambil paracetamol jika perlu	Tidur pada waktu yang sama, tangani stress (jika ada), elakkan alkohol dan rokok	Membuat senaman regangan ringan, baca buku	Diet seimbang, elakkan perut kosong, ambil ubat angin jika perlu

Cara pencegahan Hepatitis C

ELAK KONGSI BARANG TAJAM DENGAN ORANG ASING

ELAK BERTATTOO

SEKS SELAMAT GUNA KONDOM ABSTINENCE

TAK BERKONGSI JARUM SUNTIKAN

Imbas untuk maklumat lanjut



BORANG SARINGAN HEPATITIS C

BORANG SARINGAN HEPATITIS C

Nama Klinik Kesihatan : _____

A) BIODATA PESAKIT

- 1) Nama Pesakit :
- 2) No. KP. (Baru) : - - (Lama) -
- 3) Umur : Tahun (4) Jantina (tandakan ✓) : L P TG
- 5) Bangsa : Melayu Cina India Bumiputera Sabah Bumiputera Sarawak
 Orang Asli Lain-lain (nyatakan) _____

B) FAKTOR RISIKO

- 1) Pengguna dadah suntikan (PWI) / sejarah pengguna dadah suntikan Tatu
- Sejarah tranfusi darah / produk darah sebelum 1994 Transmisi dari ibu kepada anak
- Hemodialisis Insiden Tertusuk jarum / alat suntikan
- Seks tidak selamat (seks rambang) Lain-lain (nyatakan) : _____
- Seks tidak selamat (MSM) Tidak Ketahui Risiko
- Seks tidak selamat (FSW/TG)

C) UJIAN SARINGAN

- 1) Tarikh Saringan Dijalankan / /
2. Keputusan Ujian Saringan
 Positif Negatif

D) UJIAN PENGESAHAN (BAGI KES UJIAN SARINGAN POSITIF)

- 1) Ujian Pengesahan dibuat : Ya, HCV RNA Viral load
 Ya, HCVcAg (HCV Core Antigen)
 Tidak, nyatakan kenapa tidak _____
- 2) Tarikh ujian pengesahan Dijalankan / /

**BORANG PENGAKUAN BANDUAN YANG MEMBENARKAN
SECARA SUKARELA PENGAMBILAN DARAH DI DALAM
INSTITUSI PENJARA.**

**PENGAKUAN BANDUAN YANG MEMBENARKAN SECARA SUKARELA
PENGAMBILAN DARAH DI DALAM INSTITUSI PENJARA.**

1.	Nama Banduan/Tahanan/Penghuni	
2.	Nombor Banduan/Tahanan/Penghuni	
3.	Nombor Kad Pengenalan	
4.	Tarikh	

Saya seperti nama butiran yang tercatat di atas mengaku membenarkan secara sukarela pengambilan darah saya untuk menjalani ujian saringan Hepatitis C dan ujian lain yang difikirkan perlu oleh pihak Institusi Penjara.

Cop Ibu Jari Kanan Banduan/Tahanan/Penghuni

Nama: _____

Tarikh : _____

Nama Pegawai Pengambilan darah: _____

***Nota : Borang ini hendaklah di isi dan disahkan pada hari ujian darah dijalankan.**

**TATACARA PENGGUNAAN SISTEM ENOTIFIKASI BAGI
PENYAKIT HEPATITIS C**



**Sila imbas untuk mengetahui tatacara penggunaan Sistem Enotifikasi
bagi penyakit Hepatitis C**

TATACARA PENGURUSAN ALIRAN SARINGAN DAN UJIAN MAKMAL BAGI JANGKITAN VIRUS HEPATITIS C DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR

Untuk mengetahui status jangkitan Hepatitis C ke atas seseorang pesakit yang berisiko, ia perlu menjalani ujian saringan di peringkat awal dan disusuli dengan ujian pengesahan untuk mengesahkan kehadiran virus di dalam darah.

Berikut adalah tatacara aliran saringan dan ujian makmal yang perlu dijalankan:-

1. Ujian saringan bagi jangkitan virus hepatitis C yang boleh didapati di negeri Johor adalah ujian HCV antibody dan ujian rapid HCV (menggunkan rapid test kit Hepatitis C).
2. Ujian saringan bagi hepatitis C di Institusi Penjara adalah menggunakan ujian rapid Hepatitis C (HCV). Setelah didapati ujian rapid HCV yang dijalankan adalah reaktif, ujian HCV antibody perlulah diambil ke atas pesakit dengan menggunakan 'plain tube'.
3. Bagi fasiliti yang tidak mempunyai rapid test kit Hepatitis C, maka sampel ujian saringan adalah ujian HCV antibody. Sampel tersebut juga perlu diambil dengan menggunakan 'plain tube'.
4. Sampel ujian HCV antibody hendaklah dihantar ke makmal daerah/ klinik kesihatan induk dan kemudian ke hospital kluster yang terlibat mengikut daerah iaitu:

NAMA DAERAH	HOSPITAL YANG MENERIMA SAMPEL
Johor Bahru	Hospital Sultanah Aminah
Kluang	Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom
Muar	Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar

5. Sampel yang dihantar hendaklah menggunakan borang PERPAT sebanyak dua (2) salinan yang telah lengkap diisi dengan butiran pesakit terutama :
 - a) Nama pesakit
 - b) Nombor kad pengenalan pesakit
 - c) Sejarah dan faktor risiko pesakit
 - d) Nama ujian yang dimohon
 - e) Fasiliti kesihatan yang memohon
 - f) Nama beserta cop pegawai pemohon.
6. Sampel bagi ujian HCV antibody tersebut akan diproses di hospital kluster tersebut. Sekiranya ujian HCV antibody tersebut adalah disahkan reaktif, sampel yang sama akan dihantar terus ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru untuk ujian pengesahan **HCV core antigen sebagai 'reflex test'**.
7. Hasil ujian HCV antibody dan Ujian pengesahan HCV core antigen akan disertakan di dalam borang keputusan makmal.

8. Setelah Ujian HCV core antigen didapati positif, pesakit boleh diklasifikasikan sebagai "Current HCV infection" dan rawatan boleh dimulakan ke atas pesakit.
9. Namun begitu, bagi pesakit yang berisiko tinggi mendapat jangkitan virus hepatitis C tetapi ujian HCV core antigen adalah negatif, sampel bagi ujian Hepatitis C Viral Load boleh dimohon bagi ujian pengesahan.
10. Ujian Hepatitis C Viral Load juga akan dijalankan ke atas pesakit semasa 12 minggu setelah selesai rawatan DAA (Direct Acting Antiviral).
11. Sekiranya ujian Hepatitis C Viral Load diperlukan dari segi klinikal selain justifikasi di atas, perbincangan lanjut perlu dibuat dengan Pakar Gastroenterologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu ataupun Pakar Patologi (Mikrobiologi Perubatan) sebelum permohonan ujian tersebut dilakukan.
11. Sampel Ujian Hepatitis C Viral Load hendaklah dihantar terus ke Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru .
12. Ujian Hepatitis C Genotyping boleh dimohon apabila pesakit disahkan ujian HCV Core Antigen adalah positif atau HCV Viral load lebih daripada 500IU/ml. Namun perkhidmatan ujian ini hanya ditawarkan di Hospital Kuala Lumpur. Di samping itu, ujian ini hanya diperlukan bagi kes yang mengalami komplikasi 'cirrhosis' sahaja dan memerlukan persetujuan daripada Pakar Gastroenterologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru sebelum sampel ujian dihantar.
13. Setelah mendapat persetujuan dari Pakar Gastroenterologi Hospital Sultanah Aminah Johor Bharu, Sampel ujian Hepatitis C Genotyping ini boleh dihantar dari fasiliti kesihatan pemohon.
14. Sampel Ujian Hepatitis C Genotyping daripada klinik kesihatan bolehlah dihantar ke hospital kluster sepertimana sampel ujian HCV antibody iaitu:

NAMA DAERAH	HOSPITAL YANG MENERIMA SAMPEL
Mersing, Kota Tinggi	Hospital Sultan Ismail
Johor Bahru, Pontian dan Kulai	Hospital Sultanah Aminah
Segamat	Hospital Segamat
Muar dan Tangkak	Hospital Sultanah Fatimah
Kluang	Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom
Batu Pahat	Hospital Sultanah Nora Ismail

15. Bagi sampel Ujian Hepatitis C Genotyping, pemohon perlu melengkapkan borang PERPAT sebanyak dua (2) salinan beserta dengan maklumat lengkap terutama:
 - a) Nama pesakit
 - b) Nombor kad pengenalan pesakit
 - c) Sejarah dan faktor risiko pesakit
 - d) Nama ujian yang dimohon
 - e) Fasiliti kesihatan yang memohon
 - f) Nama beserta cop pegawai pemohon
 - g) Keputusan HCV Viral load dan ujian HCV core Antigen
 - h) Menyatakan bahawa kes tersebut telah dibincangkan bersama Pakar Gastroenterologi.

16. Untuk mengetahui Sustained Virological Response (SVR), ujian HCV Viral Load hendaklah dihantar selepas 12 minggu setelah pesakit telah lengkap menerima rawatan DAA (Direct Acting Antiviral).
17. Bagi melancarkan pengurusan perawatan Hepatitis C. semua keputusan ujian makmal yang berkaitan dengan Hepatitis C akan dimaklumkan melalui Sistem Cobas Infinity di klinik kesihatan seperti berikut :
 - a) Klinik Kesihatan Taman Universiti, Johor Bahru
 - b) Klinik Dada, Kluang.
18. Setelah klinik kesihatan pemohon menerima keputusan ujian makmal ini melalui sistem tersebut, semua juruteknologi makmal perubatan yang bertugas hendaklah memastikan penerimaan keputusan direkodkan dan seterusnya diserahkan kepada pegawai perubatan/ pegawai yang bertanggungjawab di peringkat klinik kesihatan dan institusi penjara yang memohon.
19. Semua pemohon dan pegawai yang terlibat dalam penerimaan keputusan ujian makmal ini hendaklah menjaga kerahsiaan pesakit dari masa ke semasa.

TATACARA PENGAMBILAN SAMPEL BAGI UJIAN SARINGAN, PENGESAHAN DAN PEMANTAUAN JANGKITAN VIRUS HEPATITIS C

<i>Test</i>	<i>Type Of Specimen</i>	<i>Specimen Container</i>	<i>Volume Of Specimen</i>	<i>Lab Turn Around Time</i>	<i>Remark</i>
<i>Hepatitis C virus antibody screening</i>	<i>Serum</i>	<i>Plain tube</i>	<i>5 ml</i>	<i>1-3 working days</i>	
<i>Hepatitis C antigen</i>	<i>Serum</i>	<i>Plain tube</i>	<i>5 ml</i>	<i>1-3 working days</i>	<i>Reflex test to reactive HCV antibody</i>
<i>Hepatitis C Viral Load</i>	<i>Plasma</i>	<i>EDTA</i>	<i>5- 10 ml (in EDTA), 1.5 ml plasma</i>	<i>4 weeks working days</i>	<i>Packed with ice (2– 8oC) Lysed sample / Heparinized sample will be rejected</i>
<i>HCV RNA Genotyping</i>	<i>Blood, serum</i>	<i>Plain tube</i>	<i>4 ml</i>	<i>14 working days</i>	<i>Packed with ice (2– 8oC) Lysed sample / Heparinized sample will be rejected only offered to Gastroenterologist and Hepatologist HCV viral Load must be > 500 IU/ml</i>

REMARK:

1. Fill up PER PAT form 2 copies
2. Adequate, relevant history, clinical indication and diagnosis
3. Clinician signature
4. For HCV Genotyping, please send direct from own hospitals, must write spoken to Gastroenterologist



BORANG SIASATAN HEPATITIS C

A. MAKLUMAT PESAKIT

1. Nama Penuh (HURUF BESAR):
.....

2. Nama Ibu/Bapa/Penjaga:
.....

(jika berumur di bawah 12 tahun)

3. No. Pengenal Diri: 4. RN:

5. Warganegara Malaysia: Ya 6.

Tidak 7. Negara asal:
Izin Tanpa izin

8. Jantina: Lelaki Perempuan

9. Tarikh lahir: 10. Umur: Hari / Bulan / Tahun

11. Alamat semasa: *(auto calculate dalam sistem)
.....
.....

12. Poskod: 13. Negeri:

14. Nombor telefon:
i. Rumah: ii. Pejabat: iii. Bimbit:

15. Pekerjaan :

16. Alamat Tempat Kerja: Etnik:

B. PEMBERITAHUAN

17. Tarikh notifikasi:

18. Sumber notifikasi:
Klinik kerajaan Klinik swasta
Hospital kerajaan Hospital swasta
Lain-lain (nyatakan):

19. Nama fasiliti:

C. MAKLUMAT KLINIKAL

20. Tarikh diagnosa : Tempoh masa sakit:
Tahun Hari /

21. Kes mempunyai simptom/gejala : *kira sendiri (only in sistem) Ya Tidak

22. Tarikh onset (mula gejala) :
(Hanya diisi jika ada simptom/gejala)

23. Simptom/Gejala

	<u>Ya</u>		
i. Tidak bermaya (extreme malaise)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ii. Letih (weakness)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iii. Hilang selera (anorexia)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iv. Jaundice	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
v. Muntah	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
vi. Cirit-birit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
vii. Pale stool/dark urine	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
viii. Perut tak selesa (right upper quadrant tenderness)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ix. Lain-lain (<i>nyatakan</i>):			

24. Komplikasi

	<u>Ya</u>	<u>Tidak</u>	<u>Tidak diketahui</u> Jika ya,
tandakan di bawah:			
i. Liver failure	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ii. Cirrhosis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iii. Decompensated cirrhosis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iv. Hepatocellular carcinoma (HCC)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
v. Lain-lain (<i>nyatakan</i>):			

Ya Tidak

25. Kemasukan ke hospital Jika ya, nyatakan:

26. Tarikh masuk :

27. Tarikh keluar:

28. Co-infection:

Ya Tidak

Tidak diketahui

i. HIV	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ii. Hepatitis B	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iii. Tuberculosis	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
iii. Lain-lain (<i>nyatakan</i>):			

D. MAKMAL & SIASATAN KHAS

Ujian Jenis ujian Tarikh ujian Keputusan ujian Saringan Rapid Test Kit (HCV)

EIA (anti-HCV) others: _____

Pengesahan HCV RNA (PCR)

others: _____ Pemantauan Viral load RNA (HCV)

32. Genotype: 1 2 3 4

33. Tempat ujian pengesahan dijalankan:

Key population:

<u>Ya</u>	<u>Tidak</u>	<u>Tidak diketahui</u>
34. Mempunyai sejarah berkongsi:	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
i. jarum (PWID)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
ii. Peralatan (Intranasal drug use)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

35. Adakah kes;
 men~~en~~jalani pemindahan darah atau blood product menerima rawatan hemodialysis
 men~~en~~jalani pemindahan organ atau tisu menjalani rawatan gigi
 men~~en~~jalani rawatan akupunktur menjalani pembedahan

<u>Ya</u>	<u>Tidak</u>	<u>Tidak diketahui</u>
36. Ibu kandung kepada kes mempunyai sejarah penyakit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
he pa titis C /penyakit kuning	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

37. Kes bekerja di tempat yang berisiko ke~~pa~~da jangkitan~~an~~ Hep C; Anggota~~an~~ penyelamat cth: bomba, JPAM
 Anggota kesihatan (needle prick injury) Pelukis tatu
 Penindik
 Lain-lain (*nyatakan*) :

38. Adakah kes mempunyai sejarah;
 Hub~~un~~gan seks dengan berbilang pasangan Pekerja seks (pelacur)
 Hom~~o~~seksual

<input type="checkbox"/>
39. Kes melakukan aktiviti berisiko;
Tindik Tatu
Berkongsi pencukur/berus gigi
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

F. SIASATAN KONTAK

40. orang yang mungkin dijangkiti atau punca jangkitan, termasuk ibu, bapa, adik-beradik, pasangan

Bil.	Nama	Hubungan	Jantina	Umur	Status Hep. C		
					Positif	Negatif	Tak Pasti

G. KLASIFIKASI KES

LAMPIRAN F

41. Kes adalah : Hep Akut Hep C Kronik

42. Jika klasifikasi kes adalah kronik, cara pengesanan adalah :- Saringan NSEP / Methadone *

Saringan co-infection: HIV / Hepatitis B / STD * Saringan di Penjara / Serenti / Pusat Pemulihan * Pemeriksaan Kesihatan

Penerimaan Darah / Organ * Haemodialisis

Saringan Ibu Mengandung

Lain-lain (nyatakan):

Penerimaan Darah / Organ *

* sila potong yang tidak berkenaan

H. RAWATAN

43. Adakah pesakit mendapat rawatan.

Ya i. Tarikh mula rawatan:

Tidak ii. Tarikh tamat rawatan:

44. Nama ubat: i.

ii.

iii.

45. Hasil rawatan

Sembuh

Tidak lengkap rawatan (cicir rawatan) Gagal rawatan

Masih dalam rawatan

I. STATUS KES

46. Status semasa kes:

Masih di wad

Diberi temujanji untuk follow up dengan pegawai perubatan Dihantar balik ke negara asal

Rujukan

Tidak diketahui Mati

47. Jika mati, tarikh mati:

48. Sebab kematian:

J. ULASAN PEGAWAI PENYIASAT

LAMPIRAN F

49. Ulasan pegawai penyiasat ke atas tindakan pencegahan/kawalan yang diambil

Nama & Jawatan:

.....

Tandatangan

Tarikh:

K. ULASAN PENYELIA/PEGAWAI KESIHATAN DAERAH

Nama & Jawatan:

.....

Tandatangan

Tarikh:

FORMAT RETEN/LINELISTING PENGURUSAN KES HEPATITIS C DI INSTITUSI PENJARA NEGERI JOHOR

LINE LISTING HCV, NEGERI JOHOR TAHUN 2021 (kemaskini: _____)													
Sil.	Daerah	Nama Hospital / Klinik Kesihatan Yang Terlibat	Nama Pesakit	No Kad Pengenalan (Contoh 121104102131)	Umur (tahun)	Alamat Semasa Lengkap	Bangsa (1=Melayu 2=Cina 3=India 4=Gebah 5=Gerak 6=OA 7=Lain2)	Jantina (1=Laki 2=Perempuan)	Status Kewarganegaraan (1=Warganegara 2=Bukan Warganegara)	Nyatakan Kewarganegaraan sekiranya Bukan warganegara	Pekerjaan (Nyatakan)	Komorbidiiti 1. Diabetes 2. Hipertensi 3. Merokok 4. Methadone 5. HIV 6. TB 7. Hep B 8. Renal Failure 9. Lain-Lain (Nyatakan)	Kumpulan Berisiko (1=PWID 2=Men sex with Men (MSM) 3=Female sex worker (FSW) 4= Transgender (TG) 5=Lain-lain/non-Kumpulan berisiko nyatakan)

Sila rujuk laman sesawang elearningjknj.moh.gov.my untuk format reten



